

**TEKS UCAPAN**

**YB TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
PERLIS**

**MAJLIS PERSARAAN YBHG. TIMBALAN  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
(PENGURUSAN)**

**DI  
RUANG LEGAR ARAS 1, KOMPLEKS DUN**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalammu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Perlis “Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Yang diraikan, YBhg. En Ahmad bin Zakaria, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan)

YBhg. En Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit dan seterusnya staf yang dirai sekalian.

Orang mengukur di lembah,

Tanam cili di tepi perigi;

Pagi ini sungguh indah,

Dapat kita berjumpa sekali lagi.

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis pada pagi ini.

Tahun 2020 datang dengan pelbagai cabaran khususnya penularan Covid-19 yang perlu dihadapi oleh penjawat awam amnya dan pejabat SUK khasnya dalam menjalani proses kerja kita dengan norma baharu dan mempertingkatkan kualiti

perkhidmatan kita selaras dengan prinsip F.A.S.T.E.R iaitu Flat, Agile, Streamlined, Tech-enabled, Efficient and Resilient.

## **PERSARAAN EN AHMAD BIN ZAKARIA**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pada tahun ini juga kita diuji dengan persaraan YBhg. En Ahmad bin Zakaria Timbalan saya yang tidak asing lagi. Susuk tubuh ini terkenal dengan personalitinya yang amat kurang bercakap namun mempunyai pengalaman yang amat luas dalam perkhidmatan awam selama 31 Tahun 1.8.1989 sehingga 5.9.2020.

Ingin saya tekankan di sini kepada semua penjawat awam khasnya kakitangan Pejabat SUK Perlis, tempoh 31 tahun itu memerlukan komitmen dan dedikasi yang amat tinggi dalam menjalankan tugas. Ia merupakan tempoh yang lama bagi seseorang penjawat awam untuk berada di dalam perkhidmatan ini. Oleh yang demikian, saya menyeru pada semua untuk mempelajari nilai-nilai positif iaitu komited dan dedikasi daripada En Ahmad bin Zakaria untuk mengaplikasikan di dalam urusan kerja seharian masing-masing.

## **SELAMAT BERSARA**

*BANYAK DURI PERKARA DURI*

*TIDAK SAMA DURI MENGGUANG*

*BANYAK BUDI PERKARA BUDI*

*TIDAK SAMA BUDIMU SEORANG*

Mewakili pejabat SUK Perlis, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada En Ahmad bin Zakaria di atas segala jasa dan budi yang telah ditabur kepada pejabat ini dan negeri Perlis amnya. Sesungguhnya budi En Ahmad bin Zakaria tidak akan dilupakan. Selamat bersara diucapkan.

*KAIN SONGKET CANTIK KILAUAN*

*DITENUN OLEH ORANG KEMAMAN*

*TAK TERBALAS BUDIMU TUAN*

*KAMI MERAHAM SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN*

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.